

MALAYSIA
DEWAN NEGARA
ATURAN URUSAN MESYUARAT

NASKHAH SAHIH/BAHASA MELAYU

<http://www.parlimen.gov.my>

HARI RABU, 10 SEPTEMBER 2025, PUKUL 10.00 PAGI

Bil. 23

PERTANYAAN-PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN

1. PN-1542-L14084
Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah faktor penyebab Kerajaan tidak melaksanakan cukai barang bernilai tinggi (HVGT) selepas 2 tahun tempoh diumumkan dan adakah cukai barang bernilai rendah (LVGT) juga akan dimansuhkan mengambil kira keadaan ekonomi golongan B40 dan M40.
2. PN-1542-L14136
Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan cabaran utama yang dihadapi oleh MARA dalam memastikan kebajikan pelajar, peningkatan kualiti pendidikan, langkah pembaharuan kurikulum serta peningkatan tenaga pengajar yang telah dirancang bagi memastikan institusi MRSM, KKTM dan IKM terus menghasilkan graduan yang memenuhi permintaan industri berteknologi tinggi.
3. PN-1542-L14146
Senator Tan Sri Datuk Prof. Dr. Hj. Mohamed Haniffa bin Hj. Abdullah minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pelan jangka panjang Kementerian untuk mengawal dan membendung beban kos dialisis yang semakin bertambah agar diuruskan secara lebih efisien serta mengurangkan beban kepada pesakit B40 dan mengoptimumkan peruntukan awam melalui pendekatan pengurusan kos yang bersepadu.
4. PN-1542-L14195
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan bagaimana Kementerian memastikan pelaksanaan projek pembangunan di bawah Rolling Plan Keempat (RP4) RMKe-12 bagi Sabah benar-benar menepati keperluan rakyat dan keadaan setempat.

5. PN-1542-L14390
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan jumlah Jualan Agro MADANI yang direkodkan di Sarawak sejak pelaksanaan program ini, bilangan peniaga dan pengguna yang telah mendapat manfaat, serta langkah-langkah yang diambil Kementerian untuk memastikan program ini terus memberikan impak positif kepada usahawan dan rakyat.
6. PN-1542-L14025
Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah perkembangan cadangan penggubalan Rang Undang-Undang Penjagaan dan Perlindungan Warga Emas bagi memperkukuhkan hak warga emas selaras negara kita yang menua pada tahun 2030.
7. PN-1542-L14051
Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan strategi utama yang digunakan oleh Tourism Malaysia untuk menilai keberkesanan Tahun Melawat Malaysia 2026 dalam mencapai sasaran 23.5 juta pelancong dan RM76.8 bilion pendapatan ekonomi negara.
8. PN-1542-L14230
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan persediaan pengurusan Tadika Perpaduan bagi memastikan semua guru prasekolah mendapat latihan kurikulum baru prasekolah tahun 2026 dan keupayaan mereka menggunakan kurikulum baru ini tidak menjadi kekangan dan masalah kepada pelajar apabila memasuki darjah satu pada tahun 2027.
9. PN-1542-L14457
Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan bagaimana RMK13 akan meningkatkan daya saing universiti awam tempatan dalam arena pendidikan tinggi global.
10. PN-1542-L14250
Senator Tuan Isaiah a/l D Jacob minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan sejauh mana kejayaan Pelan Tindakan OKU 2016-2022 :-
 - (a) apakah laporan audit Pelan Tindakan OKU 2016 - 2022 telah diterbitkan; dan

(b) apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian berdasarkan Pelan Tindakan OKU ini.

11. PN-1542-L14342

Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PERPADUAN NEGARA** menyatakan apakah usaha Kementerian dalam memastikan agar insiden bendera terbalik tidak berulang lagi kerana perkara sebegini mampu menghakis semangat perpaduan dan mencalarakan nama baik negara yang sepatutnya diangkat dan dijaga oleh seluruh rakyat Malaysia.

12. PN-1542-L14673

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan langkah jangka pendek dan jangka panjang untuk memastikan lepasan IPT di negara ini menjadi "pemikir" di samping menjadi birokrat, teknokrat dan hipokrat yang cekap dan berketerampilan.

13. PN-1542-L14470

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan adakah Kerajaan bercadang mempertimbangkan penambahan dana bantuan pembangunan belia dan rakan muda kepada persatuan belia aktif untuk membantu serta menarik minat anak muda berumur 15 - 30 tahun untuk berpersatuan dan membangunkan kemahiran pengurusan organisasi mereka.

14. PN-1542-L14165

Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan adakah benar bahawa minyak paket subsidi dijual kepada syarikat-syarikat luar dengan harga subsidi dan apakah keuntungan yang diperoleh oleh Malaysia sekiranya menjalankan polisi sedemikian.

15. PN-1542-L14175

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah langkah Kerajaan menangani masalah rasuah memandangkan Skor Indeks Persepsi Rasuah Malaysia 2024 menunjukkan pada kadar 50/100 dan kedudukan negara pada nombor 57 daripada 180 buah negara yang kelihatan tidak banyak berubah dari tahun 2023.

16. PN-1542-L14200
Senator Datuk Bobbey Bin Suan minta **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI** menyatakan usaha Kementerian dalam memperluas budaya inovasi dan penyelidikan di Sabah terutamanya dalam kalangan pelajar dan usahawan muda luar bandar.
17. PN-1542-L14424
Senator Tuan Roderick Wong Siew Lead minta **MENTERI PERLADANGAN DAN KOMODITI** menyatakan mengapakah skim bantuan dan pembiayaan subsidi baja dan racun yang disalurkan melalui MPOB sebelum ini tidak lagi diteruskan dan apakah bentuk bantuan, program dan insentif terbaru melalui MPOB untuk membantu peladang kecil kelapa sawit.
18. PN-1542-L14626
Senator Tuan Michael Mujah Lihan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan apakah status pelaksanaan Projek Tamu Desa di bawah Kementerian dan adakah terdapat impak pelaksanaannya kepada komuniti penjaja dan peniaga kecil sehingga kini.
19. PN-1542-L14240
Senator Datuk Haji Mustafa bin Musa minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan fokus dan sasaran data berangka signifikan Zon Khas Pelaburan Pelancongan (STIZ) Negeri Melaka agar paduan pembangunan 4 negeri STIZ dalam RMK13 menjana ekonomi negara.
20. PN-1542-L14158
Senator Dato' Hajah Ros Suryati binti Alang minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan kewajaran penurunan Kadar Dasar Semalaman (OPR) sebanyak 25 mata asas kepada 2.75 peratus oleh Bank Negara Malaysia (BNM) akan meningkatkan kemampuan memiliki rumah.
21. PN-1542-L14632
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan apakah status semasa pelaksanaan projek penyediaan jalan berturap ke kampung-kampung Orang Asli yang terletak di kawasan pedalaman.

22. PN-1542-L14538

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah proaktif yang telah dan akan diambil bagi menangani krisis kekurangan pekerja asing dalam sektor restoran, kedai gunting rambut, kedai emas dan kedai tekstil memandangkan 50% premis telah mengurangkan waktu operasi dan 60% tidak mampu menyediakan menu atau perkhidmatan penuh.

23. PN-1542-L14512

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan :-

- (a) garis panduan teknikal berat tanpa muatan (BTM) sedia ada mengikut bilangan gandar, jenis suspensi dan konfigurasi treler; dan
- (b) sama ada Kementerian akan menyediakan pangkalan data atas talian yang telus bagi kelulusan BTM untuk menjamin ketelusan dan mengelak penyelewengan.

24. PN-1542-L14328

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan satu kajian yang telah dilakukan terhadap keperluan 5 kategori jawatan di Kementerian sehingga tahun 2040. Apakah keperluan sebenar untuk 5 kategori jawatan tersebut seperti yang digariskan dalam kajian tersebut.

25. PN-1542-L14222

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perancangan Kementerian bagi menggalakkan penduduk di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur menaiki kemudahan awam serta adakah Kerajaan bercadang untuk meningkatkan infrastruktur berbumbung untuk kegunaan pejalan kaki, basikal dan kenderaan mikro mobiliti bagi mengurangkan kesesakan jalan raya.

26. PN-1542-L14094

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan usaha bagi memastikan universiti awam tidak dijadikan platform untuk penyebaran agenda menormalisasi gejala LGBTQ.

27. PN-1542-L14126

Senator Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan :-

- (a) sejauh mana keberkesanan Agensi Kawalan dan Perlindungan Sempadan Malaysia (AKPS) dalam menangani isu penyeludupan, pencerobohan dan jenayah rentas sempadan; dan
- (b) statistik terkini berkaitan kes penyeludupan, pemerdagangan manusia dan pencerobohan sempadan.

28. PN-1542-L14590

Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan kesan negatif akibat daripada tarif baharu yang dikenakan oleh Amerika Syarikat.

29. PN-1542-L14572

Senator Datuk Wira Koh Nai Kwong minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah jaminan bahawa Akta Warga Emas yang bakal dibentangkan bukan sekadar dokumen simbolik tetapi benar-benar memperuntukkan tanggungjawab dan akauntabiliti undang-undang terhadap agensi, penjaga dan institusi yang terlibat dengan penjagaan warga emas.

30. PN-1542-L14413

Senator Datuk Wira Dr. Mohd Hatta bin Md Ramli minta **MENTERI PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN** menyatakan langkah-langkah khusus, termasuk penyelidikan dan penyediaan dana teroka bagi menggalakkan pengeluaran baja tanaman daripada hasil buangan makanan.

31. PN-1542-L14105

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan :-

- (a) kaedah-kaedah yang digunakan agar semua penduduk di kawasan tertentu memperolehi peluang menjadi pengedar barangan bersubsidi yang disediakan oleh Kerajaan; dan
- (b) berapakah jumlah pengedar-pengedar barangan bersubsidi yang tidak amanah yang dituduh di Mahkamah dan disabitkan bersalah.

32. PN-1542-L14652

Senator Dato' Sri Vell Paari a/l Tun Samy Vellu minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan apakah justifikasi bagi rancangan TNB untuk menaikkan tarif elektrik sedangkan keuntungan bersih TNB setiap tahun melebihi RM10 bilion.

33. PN-1542-L14348

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI EKONOMI** menyatakan apakah komitmen Kementerian dalam menyediakan peruntukan khas atau pakej rangsangan ekonomi untuk Sabah, memandangkan pertumbuhan ekonominya tercorot dan kadar pengangguran kekal tinggi, demi memastikan pemulihan ekonomi wilayah secara saksama dan inklusif.

34. PN-1542-L14550

Senator Dato' Sivaraj a/l Chandran minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) bagaimana rakyat boleh yakin dengan janji pengharaman penuh rokok elektronik sedangkan komponen Generational End Game (GEG) yang lebih menyeluruh dan pernah diluluskan prinsipnya pun dibatalkan atas alasan perundangan dan tekanan kepentingan; dan
- (b) mengapa masih tiada tarikh pelaksanaan konkrit selepas pengumuman bahawa Kerajaan "sedang menuju ke arah pengharaman sepenuhnya rokok elektronik" sedangkan pada masa yang sama cukai pro-kesihatan dikenakan, adakah ini tanda bahawa Kerajaan sekadar menangguhkan tindakan sambil terus mengaut hasil, sehingga berisiko mengulangi sejarah kegagalan GEG.

35. PN-1542-L14397

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah status terkini Pekeliling Kementerian berkenaan larangan sumbangan yang melibatkan hasil dari aktiviti perjudian, rokok, dadah dan minuman keras seperti arak di institusi pendidikan.

36. PN-1542-L14502

Senator Tan Sri Dato' Low Kian Chuan minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil oleh Kementerian untuk membantu PKS tempatan kekal berdaya saing dan mengekalkan bahagian pasaran mereka di tengah-tengah kemasukan perniagaan dari luar negara yang semakin meningkat dalam pasaran domestik.

37. PN-1542-L14600
Senator Tuan Haji Hussin bin Ismail minta **PERDANA MENTERI** menyatakan tindakan tegas yang diambil oleh Kerajaan dalam menangani isu penipuan pakej haji dan umrah.
38. PN-1542-L14580
Senator Puan Tiew Way Keng minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan langkah-langkah siasatan diambil untuk insiden kematian Teoh Beng Hock setelah diputuskan oleh Mahkamah Rayuan.
39. PN-1542-L14522
Senator Dato' Haji Abdul Halim bin Haji Suleiman minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah langkah Kementerian mengatasi penangguhan pembukaan Hospital Pasir Gudang akibat kekurangan jururawat dan doktor perubatan.
40. PN-1542-L14491
Senator Datuk Anna Bell @ Suzieana binti Perian minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan apakah usaha pihak Kementerian bagi memastikan penawaran kursus pendidikan tinggi selaras dengan keperluan industri dan permintaan pasaran buruh, agar dapat mengelakkan berlakunya lambakan graduan dalam bidang tertentu yang akhirnya menyumbang kepada kadar pengangguran serta kesukaran mendapat pekerjaan.
41. PN-1542-L13956
Senator Tuan Pele Peter Tinggom minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan berkenaan dengan pertumbuhan ekonomi negara, setakat suku kedua 2025, sejauh mana prestasi pertumbuhan KDNK negara berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain.
42. PN-1542-L13918
Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN KOS SARA HIDUP** menyatakan sekiranya Kerajaan bercadang untuk menggubal akta berkaitan anti ulat tiket bagi menangani masalah terutamanya dalam penjualan tiket konsert yang semakin ketara.

43. PN-1542-L14486

Senator Puan Norhasmimi binti Abdul Ghani minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kerajaan untuk menggalakkan warga emas terlibat secara aktif dalam pelbagai aktiviti di Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) agar kemudahan yang disediakan dapat dimanfaatkan sebaiknya seterusnya objektif penubuhan dapat dicapai sepenuhnya.

44. PN-1542-L14187

Senator Dato' Setia Salehuddin bin Saidin minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah kajian undang-undang dibuat bagi meneliti kesesuaian penggunaan perkataan 'Islam' digunakan pada sesuatu pertubuhan, syarikat atau perbadanan kerana dibimbangi perkataan Islam itu boleh disalahgunakan sehingga mendatangkan persepsi negatif oleh masyarakat tentang agama Islam.

45. PN-1542-L14284

Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk membenarkan masyarakat Orang Asli mendapat cuti umum atau cuti tanpa rekod bagi menyambut sambutan Hari Orang Asal atau sebarang perayaan mengikut sambutan adat kebudayaan seperti Jis Pai bagi suku kaum Semai dan Hari Moyang bagi suku kaum Mahmeri.

46. PN-1542-L13908

Senator Tuan Robert Lau Hui Yew minta **MENTERI PELABURAN, PERDAGANGAN DAN INDUSTRI** menyatakan jumlah defisit perdagangan perkhidmatan yang dialami negara kita dengan Amerika Syarikat dan sama ada defisit ini diambil kira dalam pengiraan keseimbangan perdagangan dengan Amerika Syarikat.

47. PN-1542-L13928

Senator Puan Susan Chemerai Anding minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah pencapaian dan kemajuan yang boleh diukur untuk tahun 2025 berkenaan pentauliahian projek solar berskala besar dan implementasi Kerangka Akses Pihak Ketiga (Third Party Access Framework); dan
- (b) perancangan Kementerian dalam menyelesaikan kesesakan grid yang menghalang pengambilan tenaga boleh diperbaharui.

48. PN-1542-L14341

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan mekanisme penetapan harga karbon yang akan dilaksanakan oleh Kerajaan dan tempoh masa dasar ini akan dimuktamadkan selepas kajian kebolehlaksanaan mekanisme penetapan karbon selesai dijalankan.

49. PN-1542-L14312

Senator Dr. Lingeshwaran a/l Dato' Seri R. Arunasalam minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) adakah Elaun Tugas Atas Panggilan (ETAP) untuk Pegawai Perubatan akan dinaikkan seperti yang dijanjikan dalam Belanjawan 2025 dan berapakah jumlah tuntutan yang dibelanjakan setiap bulan untuk ETAP sekarang; dan
- (b) jika kadar ETAP dinaikkan sebanyak 50 peratus, berapakah anggaran perbelanjaan tambahan sebulan.

50. PN-1542-L13983

Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan :-

- (a) apakah langkah terkini Kementerian dalam mempercepatkan peralihan tenaga boleh baharu (RE) ke arah mencapai sasaran 70% kapasiti penjanaan tenaga boleh baharu menjelang 2050; dan
- (b) adakah pelaburan swasta digalakkan melalui insentif tertentu.

51. PN-1542-L14106

Senator Dato' Ahmad bin Dato' Sri Hj. Ibrahim minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan jumlah keseluruhan Program Perumahan Rakyat Sejahtera (PPRS) yang dilaksanakan di seluruh negara sejak diperkenalkan semula tahun lepas dan berapa buah unit baharu yang dibina di seluruh Sarawak.

52. PN-1542-L13985

Senator Puan Noorita binti Sual minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah rasional Peguam Negara mempengerusikan Lembaga Kelayakan Profession Undang-Undang dan bukannya Presiden Majlis Peguam atau seorang Hakim bagi membolehkan Lembaga ini diterajui oleh *industry player* dalam profession undang-undang.

53. PN-1542-L13943

Senator Puan Noorita binti Sual minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan sejauh manakah strategi Kementerian untuk memperkukuhkan komitmen bagi menjaga kelestarian alam maya dan daya tahan terhadap bencana dan sejauh manakah keberkesanan strategi dan polisi negara ketika ini.

54. PN-1542-L14440

Senator Tuan Amir bin Md Ghazali minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan perancangan RMK13 dalam memperluaskan penggunaan tenaga boleh diperbaharui dan menjamin keselamatan tenaga negara.

55. PN-1542-L14036

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **MENTERI SUMBER ASLI DAN KELESTARIAN ALAM** menyatakan apakah faktor-faktor yang mendorong kemasukan berterusan ribuan tan e-waste haram dari negara luar seperti Amerika Syarikat, United Kingdom dan Australia ke Malaysia melalui pelabuhan-pelabuhan utama, dan apakah langkah tegas yang perlu diambil oleh negara bagi menghentikan aktiviti penyeludupan ini secara menyeluruh.

56. PN-1542-L14683

Senator Datuk Seri Prof. Emeritus Dr. Awang bin Sariyan minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Strategi Lautan Biru Nasional (National Blue Ocean Strategy) masih diamalkan dalam pentadbiran negara, baik antara badan awam dengan badan awam mahupun antara badan awam dengan swasta, dalam rangka mengoptimumkan keberkesanan sistem penyampaian, pengurangan kos dan pemenuhan objektif pembangunan dalam semua bidang.

57. PN-1542-L14068

Senator Tuan Haji Abdul Nasir bin Haji Idris minta **MENTERI BELIA DAN SUKAN** menyatakan usaha Kerajaan dalam memperkasakan sukan elektronik (e-Sport) terutamanya bagi membina fasiliti berteknologi tinggi di Wilayah Utara seperti Kedah.

58. PN-1542-L14260

Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah taburan pembahagian pelajar Sekolah Berasrama Penuh (SBP) mengikut tahap atau kelas pendapatan keluarga.

59. PN-1542-L14650
Senator Tuan Shahrol Wizan bin Sulong minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah bentuk bantuan kewangan dan sokongan yang disediakan oleh Kerajaan kepada pertubuhan atau badan bukan Kerajaan yang menjalankan aktiviti dakwah dalam kalangan masyarakat Orang Asli, bagi membolehkan mereka berperanan sebagai rakan strategik Kerajaan di peringkat akar umbi dalam memperkukuh pembangunan insaniah komuniti tersebut.
60. PN-1542-L13973
Senator Tuan Azahar bin Hassan minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan inisiatif atau tindakan terhadap kontraktor atau konsesi penyenggaraan jalan sekiranya terbukti berlaku kecuaiian yang menyebabkan kemalangan maut, terutamanya jika berpunca daripada kegagalan melaksanakan kerja penyenggaraan jalan seperti dikehendaki dalam kontrak.
61. PN-1542-L14274
Senator Tuan Manolan bin Mohamad minta **MENTERI KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk mewujudkan Dana Mikro Kredit Tanpa Faedah untuk perniagaan kecil kepada masyarakat Orang Asli.
62. PN-1542-L14560
Senator Tuan Mohd Hasbie bin Muda minta **MENTERI DIGITAL** menyatakan usaha Kerajaan dalam melindungi data peribadi rakyat di bawah Akta Perlindungan Data Peribadi (PDPA), termasuk sama ada merancang untuk mengkaji semula PDPA.
63. PN-1542-L13995
Senator Dato' Prof. Emeritus Dr. Mohammad Redzuan bin Othman minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan adakah Majlis Peperiksaan Malaysia bersedia dan mempunyai perancangan untuk memendekkan tempoh pengajian bagi kelas Tingkatan Enam kepada dua semester, iaitu dalam tempoh setahun sahaja selari dengan tempoh pengajian yang diamalkan oleh Program Matrikulasi dan Program Asasi.
64. PN-1542-L14371
Senator Datuk Seri Dr. Mujahid bin Yusof minta **PERDANA MENTERI** menyatakan usaha yang telah tercapai untuk mengharmonikan undang-undang Sivil dan Syarak dalam negara ini .

65. PN-1542-L14210

Senator Dato' Shamsuddin bin Haji Abd Ghaffar minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan implikasi kewangan yang dihadapi oleh Kerajaan susulan pengumuman penurunan harga petrol RON95 serta apakah perancangan Kerajaan dalam memastikan subsidi petrol RON95 secara pukal dapat dikurangkan memandangkan pengumuman tersebut yang tidak selari dengan kenyataan sebelum ini yang menyatakan subsidi petrol RON95 secara pukal hanya menguntungkan golongan T20 yang lebih memiliki kereta besar dan lebih banyak penggunaan.

66. PN-1542-L14431

Senator Puan Rita Sarimah Anak Patrick Insol minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan penjelasan berkaitan bandar-bandar utama di Malaysia, termasuk di Sarawak yang mencatatkan kos perumahan tertinggi. Apakah punca kepada masalah tersebut, dan apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ini.

67. PN-1542-L14358

Senator Tuan Che Alias bin Hamid minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan sejauh mana pelaksanaan penanaman buluh sebagai benteng tebatan banjir secara semula jadi telah dijalankan di seluruh negeri termasuk bilangan lokasi, keluasan kawasan yang telah ditanam serta impaknya terhadap pengurangan risiko banjir.

68. PN-1542-L14015

Senator Dr. Hajah Wan Martina binti Wan Yusoff minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan perkembangan pelaksanaan sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) dan inisiatif 'Satu Individu, Satu Rekod' di fasiliti kesihatan Kerajaan serta swasta serta apakah langkah yang diambil untuk memastikan penyelarasan data perubatan, keselamatan maklumat pesakit dan latihan petugas kesihatan dalam sistem baharu ini.

69. PN-1542-L14078

Senator Tuan Musoddak bin Ahmad minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan pelan strategi bagi menangani gejala vape dalam kalangan murid dan pelajar sekolah sehingga mendorong mereka terjebak dalam najis dadah.

70. PN-1542-L14294

Senator Datuk Edward Linggu Bukut minta **MENTERI PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR** menyatakan adakah Kerajaan bercadang untuk menyegerakan pelan jangka panjang seperti loji hidro, solar berskala besar, talian sambung-tara dan *battery energy storage system* (BESS) seperti yang pernah diumumkan dalam Pelan Pembangunan Penjanaaan Sabah (2023-2025) dan jika ya, apakah status terkini setiap projek.

71. PN-1542-L14116

Senator Tuan Abun Sui Anyit minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan :-

- (a) status terkini permintaan pembinaan sebuah Klinik Desa di Kampung Data Kakus yang mempunyai lebih kurang 3,000 orang penduduk; dan
- (b) adakah Kerajaan boleh memindahkan Klinik Desa yang kurang penduduk ke tempat yang berpenduduk ramai seperti di Data Kakus, Sarawak.

72. PN-1542-L14475

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah Kerajaan dalam menangani isu keganasan rumah tangga yang melibatkan mangsa lelaki termasuk penderaan fizikal, mental dan jenayah seksual serta usaha Kementerian untuk mengubah persepsi sosial terhadap mereka sebagai mangsa.

73. PN-1542-L14035

Senator Datuk Rosni binti Sohar minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Majlis Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Negara telah mengenal pasti jurang sebenar antara kemahiran graduan TVET sedia ada dengan keperluan khusus industri semikonduktor, terutamanya dalam bidang seperti fabrikasi wafer, mikroelektronik dan kawalan mutu, serta bagaimana pelan penyesuaian kurikulum akan dilaksanakan bagi memenuhi keperluan tersebut.

74. PN-1542-L14425

Senator Tuan Haji Baharuddin bin Ahmad minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan apakah benar dakwaan bahawa Kerajaan Malaysia telah memohon kepada Kerajaan Bangladesh agar menghentikan siasatan terhadap dakwaan sindiket yang mengeksploitasi pekerja Bangladesh termasuk aktiviti pengubahan wang haram, pemerdagangan manusia dan amalan perekrutan secara penipuan.

ATURAN URUSAN MESYUARAT DAN USUL-USUL

1. (D.R.22/2025) Rang Undang-undang Duti Timbal Balas dan Anti-Lambakan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pelaburan, Perdagangan dan Industri]
2. (D.R.15/2025) Rang Undang-undang Perlindungan Pemberi Maklumat (Pindaan) 2025 (dengan pindaan di peringkat Jawatankuasa sebuah-buah Majlis) **Bacaan Kali Kedua**

[Perdana Menteri]
3. (D.R.17/2025) Rang Undang-undang Racun (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Kesihatan]
4. (D.R.20/2025) Rang Undang-undang Pendidikan (Pindaan) 2025 **Bacaan Kali Kedua**

[Menteri Pendidikan]